



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

UNIT SAINS SOSIAL SEKTOR PEMBELAJARAN

HARI-HARI BUAT PASTI INGAT

# MODUL POWER SEJARAH

330 SOALAN RINGKAS  
BERDASARKAN  
BUKU TEKS SEJARAH  
T4&T5

( SESUAI DIGUNAKAN UNTUK MURID HARLUS )

KETUA PROJEK:

EN. ANUAR ADNAN BIN ISMAIL

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN UNIT  
SAINS SOSIAL, SEKTOR PEMBELAJARAN  
JPNS

PENYELARAS PROJEK:

PN NORAINI BINTI MD.DIN

PENOLONG PENGARAH UNIT SAINS  
SOSIAL SEKTOR PEMBELAJARAN  
JPNS

OLEH:

ROZANAH BINTI JAS  
SMK SEREMBAN JAYA 2

## TINGKATAN 4 [ BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA ]

1. Ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu ialah Raja, Undang-undang, Rakyat dan \_\_\_\_\_ Ms 4
2. Rakyat merujuk penduduk yang setia kepada raja dan tidak \_\_\_\_\_ Ms 4
3. Raja menjadi \_\_\_\_\_ utama kerajaan. Ms 4
4. Kerajaan mengamalkan undang-undang \_\_\_\_\_ Ms 4
5. Undang-undang memastikan \_\_\_\_\_ sesebuah kerajaan. Ms 4
6. Inskripsi Telaga Batu digunakan dalam upacara \_\_\_\_\_ antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah. Ms 4
7. Raja Srivijaya dikenang melalui jumlah \_\_\_\_\_ emas yang telah ditinggalkan. Ms 5
8. Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah Kerajaan, Rakyat, Kedaulatan, Wilayah Pengaruh, Undang-Undang dan \_\_\_\_\_. Ms 7
9. Kedaulatan ialah lambang \_\_\_\_\_ tertinggi seseorang sultan. Ms 6
10. Wilayah pengaruh diperoleh melalui penaklukan, naungan dan \_\_\_\_\_. Ms 7
11. Wilayah taklukan ialah wilayah yang diperoleh melalui \_\_\_\_\_. Ms 7
12. Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui \_\_\_\_\_. Ms 7
13. Kawasan pegangan ialah kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada \_\_\_\_\_. Ms 9
14. \_\_\_\_\_ dilantik untuk menjaga keselamatan Kota Melaka
15. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang iaitu \_\_\_\_\_ dan Undang-Undang Laut Melaka. Ms 10
16. Hukum Kanun Melaka membincangkan hal jenayah, bidang kuasa sultan, kekeluargaan dan \_\_\_\_\_. Ms 10
17. Hukuman \_\_\_\_\_ dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan sultan. Ms 10
18. \_\_\_\_\_ menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang. Ms 11
19. Waadat ialah \_\_\_\_\_ yang dilakukan oleh Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba. Ms 13
20. Tulah ialah \_\_\_\_\_ yang menimpa seseorang kerana melanggar larangan atau titah raja. Ms 13

## TINGKATAN 4: [ BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME ]

21. Nasionalisme bermaksud perasaan \_\_\_\_\_ yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Ms 22
22. Revolusi Keagungan berlaku disebabkan oleh keinginan menegakkan \_\_\_\_\_ kedaulatan Parlimen dan hak asasi rakyat. Ms 24
23. Revolusi Amerika merupakan reaksi orang Amerika menentang \_\_\_\_\_ British. Ms 25
24. \_\_\_\_\_ ialah ahli falsafah Perancis. Ms 25
25. Idea nasionalisme di Barat mencetuskan \_\_\_\_\_ dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara. Ms 25
26. Kebangkitan rakyat India dipanggil \_\_\_\_\_. Ms 26
27. Dahagi India 1857 ialah \_\_\_\_\_ yang telah dilancarkan oleh sepai atau askar upahan British berbangsa India. Ms 26
28. Gerakan Islah ialah gerakan \_\_\_\_\_ Islam. Ms 27
29. Semangat \_\_\_\_\_ ialah sikap yang sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita. Ms 27
30. Nasionalisme di Jepun untuk mengelakkan ancaman \_\_\_\_\_ Barat. Ms 27
31. Tokoh Nasionalisme di Filipina ialah \_\_\_\_\_, Andres Bonifacio dan Emilio Aguinaldo. Ms 28
32. Jose Rizal menubuhkan \_\_\_\_\_. Ms 28
33. Perbuatan orang British yang memakai kasut semasa masuk ke kuil Buddha dipanggil \_\_\_\_\_. Ms 28
34. \_\_\_\_\_ ialah yang menerima pendidikan Confucius. Ms 28
35. \_\_\_\_\_ memperjuangkan kemajuan pendidikan kaum wanita. Ms 30
36. Nasionalisme di Thailand bersifat antipenjajah dan memperjuangkan kemerdekaan. Ms 32
37. \_\_\_\_\_ membina hubungan baik dengan kuasa British. Ms 31
38. Faktor kemunculan gerakan nasionalisme ialah peranan agama, \_\_\_\_\_, media cetak, sistem pendidikan, kemunculan golongan intelektual dan pengaruh luar dan serantau. Ms 34-35
39. Kemunculan novel berjaya meniupkan \_\_\_\_\_ dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Ms 39.
40. Gesaan Kaum Muda agar memajukan diri dapat membangkitkan semangat \_\_\_\_\_ dalam kalangan masyarakat Melayu. Ms 42

#### TINGKATAN 4: [ BAB 3:KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA ]

41. Faktor Perang Dunia Pertama ialah \_\_\_\_\_, Pakatan Ketenteraan dan Krisis Rantau Balkan. Ms 54
42. \_\_\_\_\_dianggotai Jerman, Austria-Hungary, Bulgaria dan Uthmaniyah. Ms 54
43. \_\_\_\_\_dianggotai Britain, Perancis dan Rusia. Ms 54
44. \_\_\_\_\_ditandatangani selepas kekalahan Jerman. Ms 56
45. \_\_\_\_\_untuk membincangkan syarat perdamaian selepas perang. Ms 56
46. Perang Dunia Pertama menamatkan sistem\_\_\_\_\_di Jerman. Ms 57
47. \_\_\_\_\_Austria Hungary melahirkan negara baru. Ms 57
48. Perang Dunia Kedua Meletus kerana kemunculan ideologi baru, ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles dan\_\_\_\_\_. Ms 59
49. \_\_\_\_\_bermakna serangan kilat. Ms 60
50. Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan \_\_\_\_\_dan\_\_\_\_\_. Ms 64
51. Amerika Syarikat dan Belanda mengenakan \_\_\_\_\_untuk menghalang Jepun memperoleh bahan mentah. Ms 65
52. Tentera Jepun menggunakan strategi\_\_\_\_\_untuk menawan Tanah Melayu. Ms 68
53. Singapura dikenali sebagai \_\_\_\_\_( Pulau Cahaya Selatan). Ms 70
54. \_\_\_\_\_ialah polis tentera yang ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pentadbiran Jepun. Ms 70
55. Mata wang Jepun dikenali sebagai\_\_\_\_\_. Ms 71
56. Pengajaran Bahasa Jepun (Nippon Go) untuk menjadikan Bahasa Jepun sebagai\_\_\_\_\_. Ms 72
57. \_\_\_\_\_dikuatkuasakan untuk mengawal penjualan barang keperluan asas. Ms 72.
58. \_\_\_\_\_merupakan gerakan anti-Jepun terbesar di Tanah Melayu. Ms 75
59. \_\_\_\_\_siri peninjauan yang dilakukan untuk menentang Jepun di Sarawak. Ms 79.
60. Kekalahan Jepun disebabkan pengeboman di \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_. Ms 82

## TINGKATAN 4 : [ BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA ]

61. \_\_\_\_\_ berusaha untuk memulihkan keamanan dan memulihkan kepercayaan rakyat. Ms 94.
62. \_\_\_\_\_ diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA. Ms 96
63. \_\_\_\_\_ ialah syarat kewarganegaraan berdasarkan tempat lahir. Ms 96
64. NNMB, NNMTB dan Negeri Selat disatukan menjadi satu \_\_\_\_\_ pentadbiran. Ms 97
65. Malayan Union diketuai oleh \_\_\_\_\_ yang dilantik oleh Raja England. Ms 97
66. Sir Harold MacMichael menggunakan pelbagai \_\_\_\_\_ untuk mendapatkan persetujuan Raja-Raja Melayu terhadap Malayan Union. Ms 98
67. Malayan Union merupakan bentuk \_\_\_\_\_ secara mutlak oleh kerajaan British. Ms 100
68. Akhbar menyeru orang Melayu mengadakan \_\_\_\_\_ untuk menolak gagasan Malayan Union. Ms 102
69. Pertubuhan Melayu \_\_\_\_\_ sebagai tindak balas terhadap Malayan Union. Ms 103
70. Kongres Melayu bersetuju menubuhkan \_\_\_\_\_ untuk menentang Malayan Union. Ms 105
71. Faktor penyerahan Sarawak kepada British masalah \_\_\_\_\_, desakan kerajaan British dan masalah kewangan. Ms 107
72. Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas tercetusnya \_\_\_\_\_. Ms 107
73. Faktor penentangan penyerahan Sarawak ialah tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan \_\_\_\_\_. Ms 109
74. \_\_\_\_\_ menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan ketua tempatan. Ms 109
75. Sasaran kumpulan \_\_\_\_\_ untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu, Sarawak.
76. \_\_\_\_\_ telah menikam Duncan Stewart (Gabenor British di Sarawak). Ms 112
77. Sebelum meninggalkan Sabah, Jepun telah memusnahkan \_\_\_\_\_, Kudat dan Sandakan. Ms 115
78. Gabenor British yang pertama di Sabah ialah \_\_\_\_\_. Ms 114
79. Dasar British \_\_\_\_\_ peluang pentadbiran kepada penduduk tempatan. Ms 117
80. Penyerahan Sabah tidak mendapat \_\_\_\_\_ daripada penduduk tempatan. Ms 117

#### TINGKATAN 4: [ BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU ]

81. Persekutuan ialah \_\_\_\_\_ beberapa buah negeri di bawah satu unit pentadbiran. Ms 126
82. \_\_\_\_\_ menentang rangka Perjanjian Persekutuan 1948. Ms 130
83. Pada 1 Februari 1948, \_\_\_\_\_ telah ditubuhkan. Ms 132
84. Orang Melayu, Raja-raja Melayu dan UMNO berganding bahu \_\_\_\_\_ Malayan Union. Ms 132
85. Pentadbir British \_\_\_\_\_ konsep persekutuan kerana mewujudkan keamanan. Ms 133.
86. British perlu melaksanakan dasar \_\_\_\_\_ yang disarankan oleh PBB. Ms 134
87. Persekutua Tanah Melayu dibentuk menerusi gabungan \_\_\_\_\_ buah negeri dan 2 buah Negeri Selat. Ms 134
88. \_\_\_\_\_ kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan. Ms 134
89. \_\_\_\_\_ perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja. Ms 134
90. Kewarganegaraan baru diperkenalkan iaitu \_\_\_\_\_ dan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang. Ms 135
91. Jus Soli hanya terbuka kepada \_\_\_\_\_ dan rakyat British. Ms 135
92. Rakyat Raja ialah orang Melayu dan \_\_\_\_\_ yang lahir di negeri Melayu yang mempunyai sultan. Ms 135
93. \_\_\_\_\_ ialah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British. Ms 135
94. Tanah Melayu mendapat \_\_\_\_\_ dan syarat kewarganegaraan diperketatkan. Ms 135
95. Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengembalikan \_\_\_\_\_ raja-raja Melayu semula. Ms 136.

#### TINGKATAN 4: [ BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT ]

96. Komunis ialah ideologi yang diasaskan oleh \_\_\_\_\_ dan Friedrich Engles. Ms 146
97. Komunisme ialah suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai \_\_\_\_\_ negara. Ms 146
98. PKM bergerak melalui \_\_\_\_\_ sekerja, pertubuhan, penerbitan , akhbar dan \_\_\_\_\_ cina. Ms 147
99. Pada 16 Jun 1948, komunis membunuh tiga orang \_\_\_\_\_ Eropah di Sungai Siput, Perak.
100. Komunis menjalankan pelbagai kegiatan \_\_\_\_\_ terhadap kemudahan asas. Ms 149
101. PKM menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang \_\_\_\_\_. Ms 150
102. Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat telah \_\_\_\_\_ dan parti politik berfahaman radikal. Ms 152
103. British menangkap pemimpin gerakan radikal seperti \_\_\_\_\_. Ms 152
104. \_\_\_\_\_ ialah pasukan Pengawal Kampung. Ms 155
105. British memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan dan kad pengenalan bagi mengawal \_\_\_\_\_. Ms 156
106. Tujuan Rancangan Briggs untuk \_\_\_\_\_ hubungan PKM dengan Min Yuen. Ms 157
107. Min Yuen ditubuhkan untuk mendapatkan \_\_\_\_\_ makanan dan wang kepada komunis. Ms 157
108. Setiap hari, Radio Malaya menyiarkan syarat \_\_\_\_\_. Ms 158
109. \_\_\_\_\_ ialah tindakan melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu. Ms 158
110. \_\_\_\_\_ ialah rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha \_\_\_\_\_ hati rakyat. Ms 159
111. \_\_\_\_\_ syarat kewarganegaraan bagi menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu
112. British menawarkan hadiah \_\_\_\_\_ kepada penduduk yang menangkap atau memberi maklumat tentang gerila komunis. Ms 159
113. \_\_\_\_\_ ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif. Ms 160
114. Rundingan Baling gagal kerana Tunku Abdul Rahman enggan \_\_\_\_\_ PKM sebagai satu parti politik yang sah. Ms 160.
115. Rakyat menghadapi \_\_\_\_\_ semasa zaman darurat. Ms 162

#### TINGKATAN 4: [ BAB 7:USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN ]

116. Jawatankuasa Hubungan Antara kaum (CLC) ditubuhkan untuk menghimpunkan pemimpin utama masyarakat\_\_\_\_\_. Ms 174
117. CLC bersetuju \_\_\_\_\_ kepada kaum bukan Melayu penting untuk memupuk taat setia kepada Tanah Melayu. Ms 177
118. Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui dan \_\_\_\_\_ sah kaum lain diiktiraf. Ms 177
119. \_\_\_\_\_ merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui \_\_\_\_\_ Persekutuan Tanah Melayu. Ms 178
120. Sistem Ahli ialah satu sistem kabinet\_\_\_\_\_. Ms 179
121. Ahli dilantik oleh \_\_\_\_\_ Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Ms 179
122. Kepentingan Sistem Ahli ialah proses ke arah\_\_\_\_\_. Ms 179
123. \_\_\_\_\_ ialah sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar. Ms 180
124. Menurut Laporan Barnes, sekolah rendah menggunakan \_\_\_\_\_ atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ms 180
125. Menurut \_\_\_\_\_, sekolah cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan. Ms 180
126. \_\_\_\_\_ ialah undang-undang pertama berkaitan dengan pembentukan satu sistem persekolah rendah. Ms 181
127. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 bertujuan membina \_\_\_\_\_ yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa. Ms 183
128. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 merupakan asas kepada sistem \_\_\_\_\_ kebangsaan. Ms 183
129. Pakatan PUTERA-AMCJA melahirkan Manifesto \_\_\_\_\_ sebagai alternatif pembinaan negara merdeka yang merdeka. Ms 186
130. \_\_\_\_\_ ialah persidangan anggota pertubuhan politik untuk membincangkan sesuatu perkara. Ms 187

#### TINGKATAN 4: [ BAB 8: PILIHAN RAYA ]

131. Pilihan Raya Umum Pertama perlu diadakan bagi \_\_\_\_\_ jalan ke arah kemerdekaan. Ms 198
132. Pengisytiharan pilihan raya dibuat oleh \_\_\_\_\_. Ms 198
133. Keanggotaan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) sebelum ini dilantik oleh \_\_\_\_\_. Ms 199
134. Rombongan ke London bertujuan menyatakan hasrat \_\_\_\_\_ tiga perlima bilangan anggota MPP. Ms 199
135. Syarat untuk menjadi pengundi mestilah berumur \_\_\_\_\_. Ms 200
136. Syarat untuk menjadi calon mestilah \_\_\_\_\_ Persekutuan Tanah Melayu. Ms 200.
137. Pihak British melantik T.E Smith untuk \_\_\_\_\_ urusan pilihan raya. Ms 200
138. Pilihan raya awal di Sarawak mendapat \_\_\_\_\_ baik kerana rakyat boleh memilih wakil dalam kerajaan. Ms 203
139. Kemenangan besar dalam pilihan raya membolehkan \_\_\_\_\_ membentuk Kerajaan Persekutuan. Ms 204
140. \_\_\_\_\_ dilantik menjadi Ketua Menteri dan berkuasa menubuhkan kabinetnya sendiri. Ms 206

#### TINGKATAN 4: [ BAB 9: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957 ]

141. \_\_\_\_\_ menjadi asas pembentukan perlembagaan ke arah berkerajaan sendiri. Ms 216
142. Pihak British dan Komanwel akan memberikan bantuan seperti \_\_\_\_\_ kepada Persekutuan Tanah Melayu. Ms 218
143. Rombongan merdeka diarak hingga ke \_\_\_\_\_. Ms 219
144. Laungan menuju kemerdekaan memperlihatkan gandingan \_\_\_\_\_ semua pihak. Ms 219
145. Pada 8 Mac 1956, kerajaan British mengumumkan pembentukan \_\_\_\_\_. Ms 220.
146. Tugas Suruhanjaya Reid ialah \_\_\_\_\_, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Ms 220
147. Pengerusi Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah \_\_\_\_\_. Ms 221
148. Dalam Memorandum daripada pihak Raja-Raja Melayu, baginda mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_. Ms 222
149. Dewan Perniagaan Melayu memohon \_\_\_\_\_ soal kewarganegaraan. Ms 222
150. Dalam draf perlembagaan, kedudukan \_\_\_\_\_ orang Melayu diteruskan. Ms 222
151. Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat iaitu \_\_\_\_\_ dan Dewan Rakyat dibentuk. Ms 222
152. Agama Islam mestilah diakui sebagai \_\_\_\_\_. Ms 223
153. \_\_\_\_\_ dijadikan sebagai bahasa rasmi. Ms 223
154. Yang Dipertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja Melayu setiap \_\_\_\_\_ sekali merupakan satu keistimewaan. Ms 224
155. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dijadikan \_\_\_\_\_ pembentukan perlembagaan Tanah Melayu. Ms 224

#### TINGKATAN 4: [ BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN ]

156. Kemerdekaan negara pada \_\_\_\_\_. Ms 234
157. Lagu Negaraku berasal daripada lagu \_\_\_\_\_, lagu negeri Perak. Ms 236
158. Reka bentuk bendera dicipta oleh \_\_\_\_\_, kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor. Ms 239
159. \_\_\_\_\_ dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan. Ms 236
160. Tunku Abdul Rahman melaungkan “ \_\_\_\_\_ ” sebanyak tujuh kali semasa pengisytiharan kemerdekaan. Ms 240
161. Lagu kebangsaan negara kita ialah \_\_\_\_\_. Ms 240
162. Negara kita mengamalkan konsep Raja \_\_\_\_\_. Ms 242
163. \_\_\_\_\_ menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu. Ms 242
164. Rakyat mempunyai kuasa \_\_\_\_\_ kerajaan dan pemerintah melalui pilihanraya. Ms 242
165. Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi \_\_\_\_\_ Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. Ms 242
166. \_\_\_\_\_
166. Cabaran kerajaan Persekutuan adalah untuk menggantikan \_\_\_\_\_ dengan rakyat tempatan. Ms 242
167. Pertubuhan \_\_\_\_\_ bermanfaat untuk merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli. Ms 243
168. \_\_\_\_\_ ditubuhkan untuk memajukan tanah baharu secara besar-besaran bagi pertanian dan penempatan semula masyarakat. Ms 244
169. \_\_\_\_\_ mengandungi projek berkaitan dengan kemudahan asas seperti jalan kampung seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan elektrik. Ms 244
170. \_\_\_\_\_ bertujuan menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan di luar negara. Ms 245

## TINGKATAN 5: [ BAB 1: KEDAULATAN NEGARA ]

171. Kedaulatan ditakrifkan sebagai \_\_\_\_\_ tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas. Ms 4
172. Dalam Bahasa Inggeris, kedaulatan ialah \_\_\_\_\_ yang bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan. Ms 4
173. Perkataan kedaulatan dalam \_\_\_\_\_ berasal daripada kata *daulah*. Ms 4
174. \_\_\_\_\_ merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara. Ms 6
175. Kedaulatan undang-undang bermaksud kerajaan dan rakyat \_\_\_\_\_ oleh undang-undang yang perlu dipatuhi. Ms 7
176. \_\_\_\_\_ merujuk pengiktirafan PBB terhadap sesebuah negara yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain. Ms 7
177. \_\_\_\_\_ merupakan garis pemisah antara negeri atau negara. Ms 8
178. Demokrasi Berparlimen bermaksud demokrasi yang dijalankan secara perwakilan melalui \_\_\_\_\_. Ms 8
179. Raja Berperlembagaan bermaksud pemerintahan \_\_\_\_\_ mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ms 8
180. Rakyat terikat kepada \_\_\_\_\_ dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah. Ms 9
181. Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui \_\_\_\_\_ dan kementerian yang berkaitan. Ms 10
182. Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilakukan melalui \_\_\_\_\_ mewujudkan keberkesanan pentadbiran. Ms 10
183. Pemerintah perlu mewujudkan \_\_\_\_\_ yang cekap. Ms 12
184. Rakyat perlu menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip \_\_\_\_\_ yang dapat menjamin perpaduan kaum. Ms 14
185. Rakyat perlu \_\_\_\_\_ terhadap isu keselamatan negara. Ms 15

## TINGKATAN 5: [ BAB 2: PERLEMBAGAAN NEGARA ]

186. \_\_\_\_\_ merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara. Ms 22
187. Undang-undang yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti \_\_\_\_\_ dan Undang-undang Laut Melaka. Ms 22
188. British memperkenalkan undang-undang di \_\_\_\_\_ yang dikenali sebagai Charter of Justice. Ms 23
189. Di Sarawak, The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan \_\_\_\_\_. Ms 23
190. Di Malaysia, badan perundangan dinamakan \_\_\_\_\_ yang berkuasa penuh membentuk undang-undang negara. Ms 25
191. \_\_\_\_\_ merupakan titik penting pembentukan sebuah Persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang.
192. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan \_\_\_\_\_ yang diambil dari Britian. Ms 27
193. Perlembagaan ini juga menjadi \_\_\_\_\_ kepada perlembagaan negara kita pada hari ini. Ms 27
194. Sejak berabad-abad, negeri Melayu diperintah berdasarkan pemerintahan \_\_\_\_\_. Ms 28
195. Selepas merdeka, \_\_\_\_\_ bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja negeri masing-masing. Ms 29
196. Bahasa Melayu menjadi \_\_\_\_\_ dan memainkan peranan sebagai bahasa ilmu. Ms 29
197. \_\_\_\_\_ diberi tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah. Ms 29
198. Asas kepada demokrasi ialah \_\_\_\_\_ umum pada tahun 1955. Ms 29
199. Tujuan utama pilihan raya adalah untuk memberikan \_\_\_\_\_ kepada rakyat memilih wakil pemimpin dan menubuhkan kerajaan. Ms 29
200. Pindaan perlembagaan bertujuan \_\_\_\_\_ peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri yang sedia ada. Ms 30

## TINGKATAN 5: [ BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN ]

201. Raja ialah pemerintah yang berkuasa \_\_\_\_\_. Ms 38
202. Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diperkukuh dengan konsep \_\_\_\_\_. Ms 38
203. Semasa pendudukan Jepun, Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua dalam hal ehwal \_\_\_\_\_. Ms 40
204. Kedudukan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing diletakkan di bawah pengawasan \_\_\_\_\_ di Tanah Melayu. Ms 40
205. Pemerintahan beraja menerima cabaran apabila \_\_\_\_\_ diperkenalkan pada tahun 1946. Ms 40
206. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai \_\_\_\_\_. Ms 41
207. Rakyat diberi hak \_\_\_\_\_ wakil mereka melalui pilihanraya. Ms 41
208. \_\_\_\_\_ ialah perjumpaan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British. Ms 42
209. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan selepas negara mencapai \_\_\_\_\_ pada tahun 1957. Ms 46
210. Pemilihan Yang di- Pertuan Agong dilaksanakan oleh \_\_\_\_\_. Ms 46
211. Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat \_\_\_\_\_. Ms 48
212. Yang di-Pertuan Agong melantik diplomat Malaysia ke \_\_\_\_\_. Ms 48
213. Yang di- Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan \_\_\_\_\_. Ms 49
214. Pilihan raya umum diadakan dalam tempoh \_\_\_\_\_ tahun. Ms 50
215. \_\_\_\_\_ ialah dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara. Ms 52
216. Dewan Rakyat bertujuan menggubal dan \_\_\_\_\_ undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat. Ms 53
217. Parlimen ialah badan \_\_\_\_\_ tertinggi di Malaysia. Ms 53
218. \_\_\_\_\_ ialah badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembaan Persekutuan. Ms 54
219. Tugas Jemaah Menteri ialah \_\_\_\_\_ dasar negara. Ms 54
220. Hakim mestilah \_\_\_\_\_ daripada pengaruh politik. Ms 55

## TINGKATAN 5: [ BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN ]

221. Konfederasi ialah \_\_\_\_\_ antara negeri yang berdaulat dalam satu ikatan yang longgar.  
Ms 66
222. Persekutuan berkuatkuasa pada tahun 1896 dan dikenali sebagai \_\_\_\_\_. Ms 66
223. Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan \_\_\_\_\_ perjalanan sistem Persekutuan. Ms 68
224. Institusi yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Malaysia ialah \_\_\_\_\_. Ms 69
225. \_\_\_\_\_ menjelaskan kuasa Kerajaan Persekutuan yang luas meliputi skop kepentingan nasional. Ms 69
226. Setiap negeri di Malaysia mempunyai \_\_\_\_\_ yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.
227. \_\_\_\_\_ ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara sama. Ms 70
228. \_\_\_\_\_ lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan. Ms 71
229. Kerajaan Tempatan berperanan memberikan \_\_\_\_\_ kepada penduduk setempat.  
Ms 71
230. Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi tertumpu pada pembukaan tanah baru dan pembangunan \_\_\_\_\_. Ms 72
231. Pada tahun 1956, Kerajaan Persekutuan menubuhkan \_\_\_\_\_ untuk mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri. Ms 72
232. Kerjasama sosioekonomi diperluas kepada pembangunan \_\_\_\_\_ berdasarkan pembangunan kawasan. Ms 73
233. Jabatan \_\_\_\_\_ Malaysia ditubuhkan pada 2007 yang bertanggungjawab dalam dasar pengurusan taman laut di Malaysia. Ms 75
234. Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program \_\_\_\_\_ Rakyat (PPR) pada tahun 1997 untuk membina perumahan awam di seluruh negara. Ms 77
235. Misi \_\_\_\_\_ untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan. Ms 79

## TINGKATAN 5: [ BAB 5:PEMBENTUKAN MALAYSIA ]

236. Idea gagasan Malaysia ialah konsep yang \_\_\_\_\_ bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara. Ms 90
237. Langkah penubuhan Malaysia bertujuan memudahkan \_\_\_\_\_ British. Ms 90
238. Pada tahun 1952, Sir Gerald Templer meminta penggabungan wilayah disegerakan bagi tujuan \_\_\_\_\_. Ms 91
239. \_\_\_\_\_ bermaksud ke arah berkerajaan sendiri. Ms 91
240. Pada tahun 1955, Tunku Abdul Rahman mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei \_\_\_\_\_ Persekutuan Tanah Melayu. Ms 92
241. Langkah penyatuan dengan Singapura dapat memberikan kuasa kepada kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan bagi membendung ancaman \_\_\_\_\_. Ms 93
242. Pembentukan Malaysia dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi serta mempercepatkan \_\_\_\_\_ wilayah Borneo terutama Sabah dan Sarawak. Ms 93
243. Pada tahun 1962, PANAS,SNAP,BARJASA,SCA dan PESAKA bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak untuk \_\_\_\_\_ Malaysia. Ms 95
244. Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M Azahari \_\_\_\_\_ cadangan penubuhan Malaysia. Ms 97
245. Pada Julai 1961, Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan untuk ke Sarawak untuk \_\_\_\_\_ dan bertemu dengan pemimpin tempatan untuk menerangkan rancangan pembentukan Malaysia. Ms 98
246. Suruhanjaya Cobbold menyatakan \_\_\_\_\_ penduduk menyokong pembentukan Malaysia. Ms 100
247. Referendum ialah \_\_\_\_\_ suara rakyat berhubung dengan sesuatu dasar politik dan sebagainya. Ms 100
248. Dalam intipati Perjanjian Malaysia, Kerajaan British akan mengiktiraf \_\_\_\_\_ Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia. Ms 103
249. Pada 20 Januari 1963, Indonesi melancarkan dasar \_\_\_\_\_ terhadap Tanah Melayu iaitu Ganyang Malaysia. Ms 106
250. Peralihan \_\_\_\_\_ di Indonesia pada 30 September 1965 menamatkan konfrontasi. Ms 109

## TINGKATAN 5: [ BAB 6:CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA ]

251. Sarawak dan Sabah mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak, namun rakyat masih mengamalkan pertanian\_\_\_\_\_. Ms 117
252. Penduduk di kawasan pedalaman tidak mendapat \_\_\_\_\_secukupnya untuk bersekolah. Ms 117
253. \_\_\_\_\_Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Ms 119
254. Singapura tidak puas hati dengan cadangan tambahan\_\_\_\_\_yang perlu diberikan kepada Kerajaan Persekutuan. Ms 119
255. Rusuhan kaum di Singapura berlaku kerana usaha menuntut\_\_\_\_\_hak yang sama rata bagi semua kaum. Ms 119
256. Kegiatan komunis menjadi \_\_\_\_\_kepada keselamatan negara sejak sebelum merdeka. Ms 121
257. Rancangan berbentuk memenangi hati rakyat di Sarawak dinamakan\_\_\_\_\_. Ms 122
258. \_\_\_\_\_meneruskan kegiatan mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia. Ms 124
259. Pada 26 Ogos 1975, PKM meletupkan \_\_\_\_\_di Kuala Lumpur. Ms 125
- 260.Usaha membanteras komunis menghadapi masalah kerana mereka membina khemah di \_\_\_\_\_negara. Ms 125
261. \_\_\_\_\_diadakan pada 2 Disember 1989 di Hat Yai, Thailand dan PKM bersetuju membubarkan unit bersenjata dan memusnahkan segala senjata api dan bahan letupan. Ms 125
262. Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan\_\_\_\_\_Umum Ketiga. Ms 129
263. Peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan berlaku\_\_\_\_\_hubungan antara kaum. Ms 129
264. Antara langkah yang diambil mengatasi rusuhan kaum ialah pengisytiharan darurat, pembentukan\_\_\_\_\_ dan peranan Raja-raja Melayu. Ms 129
265. Antara tanggungjawab MAGERAN termasuklah menguatkuasakan Akta\_\_\_\_\_1948. Ms 130

## TINGKATAN 5: [ BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA]

266. Perpaduan kaum ialah keadaan rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup \_\_\_\_\_ dalam masyarakat yang bersatu. Ms 140
267. \_\_\_\_\_ nasional merupakan satu proses dinamik yang merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah bagi membentuk satu bangsa. Ms 140
268. Kegiatan ekonomi yang \_\_\_\_\_ antara kaum menyebabkan pemisahan dari segi petempatan. Ms 141
269. Keadaan ekonomi yang terpisah menyebabkan setiap kaum kurang \_\_\_\_\_ antara satu sama lain dan mewujudkan jurang ekonomi yang tidak seimbang. Ms 141
270. Pendidikan \_\_\_\_\_ mewujudkan perbezaan pemikiran dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Ms 141
271. \_\_\_\_\_ kaum disebabkan perbezaan kegiatan ekonomi dan petempatan menyebabkan parti politik ini memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing. Ms 141
272. Usaha memperkasakan \_\_\_\_\_ dan integrasi nasional telah dilaksanakan secara konsisten oleh kerajaan dan berterusan sehingga hari ini. Ms 142
273. Jabatan Perpaduan Negara berperanan mendraf satu ideologi untuk negara yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_. Ms 142
274. Pembangunan dilakukan melalui rancangan pembangunan tanah yang mampu menambah pendapatan rakyat dan membasmi \_\_\_\_\_. Ms 143
275. Memajukan bidang \_\_\_\_\_ dan perdagangan dengan memperkenalkan Zon Perindustrian Bebas. Ms 143
276. Kerajaan turut memperkasakan \_\_\_\_\_ sebagai bahasa kebangsaan melalui pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan. Ms 143
277. Dasar Pendidikan Kebangsaan dibentuk untuk memupuk \_\_\_\_\_ kaum. Ms 144
278. Laporan Rahman Talib menekankan mata pelajaran \_\_\_\_\_ untuk menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara. Ms 145
279. Kajian Aminuddin baki memperkenalkan sistem persekolahan aneka \_\_\_\_\_ untuk menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik. Ms 145
280. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan sebagai \_\_\_\_\_ untuk memupuk perpaduan kaum. Ms 148

## TINGKATAN 5: [ BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA]

281. \_\_\_\_\_ dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula tahun 1970 hingga tahun 1990 sebagai rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara. Ms 166
282. MAPEN ditubuhkan untuk mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk \_\_\_\_\_ kebangsaan dalam kalangan rakyat. Ms 166
283. Strategi DEB ialah \_\_\_\_\_ semula masyarakat untuk mengurangkan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Ms 167
284. DEB dilaksanakan bertujuan melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui \_\_\_\_\_ ekonomi yang seimbang. Ms 168
285. Rancangan meningkatkan \_\_\_\_\_ hidup rakyat melibatkan penduduk di luar bandar dan di bandar. Ms 168
286. Matlamat Rancangan Buku Hijau ialah menambahkan \_\_\_\_\_ rakyat dan pengeluaran bahan makanan supaya cukup untuk keperluan negara. Ms 169
287. Rancangan Buku Hijau mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek, \_\_\_\_\_ berkelompok, penternakan, pemasaran yang baik dan projek kecil. Ms 169
288. Pembukaan tanah baharu untuk pertanian dilakukan secara teratur di bawah \_\_\_\_\_. Ms 170
289. UDA ditubuhkan pada tahun 1971 yang berperanan dalam sektor \_\_\_\_\_ industri dan pembangunan bandar baharu. Ms 171
290. Amanah Saham Bumiputera dilancarkan untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki \_\_\_\_\_ dalam syarikat berhad. Ms 172
291. Industri kecil dan sederhana merujuk industri \_\_\_\_\_ barangan menggunakan modal yang kecil dan tenaga kerja yang tidak ramai. Ms 172
292. \_\_\_\_\_ kemahiran ditawarkan dalam pelbagai bidang untuk menampung permintaan terhadap tenaga kerja mahir. Ms 173
293. Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ialah untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan \_\_\_\_\_. Ms 174
294. Pemberian \_\_\_\_\_ dan sokongan diteruskan kepada golongan penanam padi dan nelayan. Ms 176
295. Proton Saga merupakan kereta \_\_\_\_\_ pertama yang dilancarkan pada 1 September 1985. Ms 187.

## TINGKATAN 5: [ BAB 9: DASAR LUAR MALAYSIA ]

296. Hubungan diplomatik dilaksanakan melalui penghantaran\_\_\_\_\_. Ms 194
297. Hubungan\_\_\_\_\_dijalankan dengan kerajaan dan wilayah yang mendatangkan keuntungan kepada Melaka. Ms 194
298. \_\_\_\_\_berperanan menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa. Ms 196
299. Hubungan Malaysia dengan Arab Saudi dipengaruhi oleh ikatan\_\_\_\_\_. Ms 197
300. PBB ditubuhkan pada tahun 1945 dengan matlamat mengekalkan \_\_\_\_\_dan kestabilan dunia. Ms 198
301. \_\_\_\_\_ialah badan yang bertanggungjawab menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara. Ms 199
302. Komanwel merupakan sebuah badan yang dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan dan naungan \_\_\_\_\_yang telah merdeka. Ms 206
303. \_\_\_\_\_bertujuan menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel. Ms 206
304. Sukan\_\_\_\_\_merupakan sukan yang kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik. Ms 207
305. Malaysia mengamalkan \_\_\_\_\_apabila menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi. Ms 208
306. Cabaran utama Malaysia dalam ekonomi ialah wujudnya\_\_\_\_\_negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah, getah, hasil minyak dan gas negara. Ms 209
307. Pada tahun 1963, persefahaman yang membabitkan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia\_\_\_\_\_diwujudkan bagi menyelesaikan isu pembentukan Malaysia. Ms 210
308. Malaysia menjadikan NAM sebagai platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu\_\_\_\_\_. Ms 213
309. Dalam usaha kawalan senjata nuklear, Malaysia menandatangani \_\_\_\_\_pada tahun 1970 sebagai iltizam NAM mendesak pengharaman senjata tersebut. Ms 213
310. OIC ditubuhkan pada tahun 1969 ketika memuncaknya serangan ganas terhadap Masjid Al-Aqsa oleh puak\_\_\_\_\_. Ms 214
311. Usaha Malaysia dan OIC dalam pendidikan ialah pembinaan UIAM serta memberikan \_\_\_\_\_kepada pelajar dari negara OIC yang belajar di university ini. Ms 216
312. Malaysia menjadi \_\_\_\_\_bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui OIC. Ms 216

## TINGKATAN 5: [ BAB 10: KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA]

313. Malaysia mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan \_\_\_\_\_ dan menjatuhkan hukuman berat kepada pesalah dadah. Ms 226
314. Gerakan \_\_\_\_\_ kelapa sawit dilancarkan oleh negara maju secara tidak langsung menggugat ekonomi negara yang sedang membangun. Ms 228
315. Kedudukan Malaysia yang strategik di Asia Tenggara menjadikannya sebagai lokasi transit bagi \_\_\_\_\_ orang ke negara lain. Ms 229
316. Sejak tahun 2011, Malaysia mendukung hasrat PBB untuk menjadikan dunia bebas \_\_\_\_\_ pada tahun 2030. Ms 229
317. Perjanjian AFTA bertujuan menjadikan kawasan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif bagi hasil \_\_\_\_\_ negara ASEAN. Ms 230
318. Malaysia menggunakan pendekatan sendiri dalam usaha memulihkan keadaan termasuklah \_\_\_\_\_ kadar pertukaran ringgit (RM) kepada dollar (USD). Ms 232
319. Negara kita menjadi negara utama pelaburan \_\_\_\_\_ Islam. Ms 232.
320. Rakyat Malaysia melakukan \_\_\_\_\_ sebagai tanda sokongan kepada Palestin. Ms 235
321. Yayasan Restu memberikan bantuan \_\_\_\_\_ percuma kepada warga Aceh. Ms 237
322. Deklarasi Langkawi merupakan komitmen Malaysia dan negara Komanwel untuk memelihara \_\_\_\_\_. Ms 238
323. Malaysia melancarkan Dasar \_\_\_\_\_ Hijau untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau bagi mengawal perubahan iklim. Ms 238
324. \_\_\_\_\_ merupakan satu dokumen umum penting bagi pengurusan aktiviti manusia. Ms 239
325. Malaysia mencadangkan PBB mentadbir \_\_\_\_\_ agar segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dikongsi bersama oleh semua negara. Ms 240
326. Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan \_\_\_\_\_ dalam pelbagai bidang ke Antartika. Ms 240.
327. Malaysia bekerjasama dengan negara anggota ASEAN untuk menubuhkan \_\_\_\_\_ Sekuriti Makanan ASEAN. Ms 243
328. Isu alam sekitar yang perlu ditangani oleh Malaysia serta negara di Asia Tenggara ialah \_\_\_\_\_. Ms 243
329. Kedudukan Asia Tenggara yang \_\_\_\_\_ turut menjadikannya terlibat secara langsung dalam kancah persaingan membabitkan kuasa besar. Ms 244
330. Malaysia membendung kemasukan PATI melalui \_\_\_\_\_ mekanisme pengurusan warga asing. Ms 245

## JAWAPAN 330 MODUL POWER SEJARAH

1. Wilayah pengaruh
2. Menderhaka
3. Tonggak
4. Kutara Manawa
5. Kesetiaan
6. Ketulan
7. Kekuasaan
8. Lambang Kebesaran
9. Kekuasaan
10. Perkahwinan
11. Peperangan
12. Perkahwinan
13. Pembesar Berempat
14. Temenggung
15. Hukum Kanun Melaka
16. Ekonomi
17. Bunuh
18. Nakhoda
19. Perjanjian
20. Kecelakaan
21. Cinta
22. Keadilan
23. Penjajahan
24. Jean Jacques Rousseau
25. Kesedaran
26. Dahagi India
27. Pemberontakan
28. Pemulihan
29. Bushido
30. Imperialisme
31. Jose Rizal
32. Liga Filipina
33. Isu Kasut
34. Golongan Mandarin
35. Raden Adjeng Kartini
36. Kemerdekaan
37. Raja Mongkut
38. Penulisan Kreatif
39. Nasionalisme

40. Berniaga
41. Persaingan Kuasa Imperialis
42. Kuasa Tengah
43. Pakatan Bertiga
44. Perjanjian Versailles
45. Persidangan Damai Paris
46. Pemerintahan beraja
47. Keruntuhan empayar
48. Kegagalan Liga Bangsa
49. Blitzkrieg
50. bahan mentah/ pasaran
51. sekatan ekonomi
52. serangan kilat
53. Syonan-to
54. Kampeitai
55. Wang pokok pisang
56. Lingua franca
57. Catuan makanan
58. MPAJA
59. Operasi Semut
60. Hiroshima/ Nagasaki
61. BMA
62. Malayan Union
63. Jus Soli
64. Unit
65. Gabenor British
66. Taktik
67. penjajahan
68. Perhimpunan
69. Diaktifkan semula
70. UMNO
71. Pewarisan takhta
72. Perang Dunia Kedua
73. Perlembagaan 1941
74. Gerard T. MacBryan
75. Rukun 13
76. Rosli Dhoby
77. Jesselton
78. Sir Edward Twinning
79. Mengehadkan
80. Bantahan
81. Gabungan

Cikgu Zana

82. PUTERA-AMCJA
83. Persekutuan Tanah Melayu
84. Membantah
85. Menyokong
86. Dekolonisasi
87. Sembilan
88. Singapura
89. Rang Undang-Undang
90. Secara pendaftaran
91. Rakyat raja
92. Orang Asli
93. Rakyat British
94. Taraf naungan
95. Kuasa
96. Karl Marx
97. Milik
98. Kesatuan/ sekolah
99. Pengurus ladang
100. sabotaj
101. balai polis
102. mengharamkan PKM
103. Ahmad Boestamam
104. Home Guard
105. Mengawal pergerakan
106. Memutuskan
107. Bekalan
108. Tawaran pengampunan
109. Perintah berkurung
110. Perang saraf/ memenangi
111. Melonggarkan
112. Wang tunai
113. Kawasan hitam
114. Mengiktiraf
115. Penderitaan
116. Pelbagai kaum
117. Kewarganegaraan
118. Kepentingan
119. Sistem Ahli/ pentadbiran
120. Bayangan
121. Perpaduan kaum
122. kemerdekaan
123. Sekolah vernakular

124. Bahasa Melayu
125. Laporan Fenn-Wu
126. Ordinan Pelajaran 1952
127. Sistem persekolahan
128. Pendidikan
129. Perlembagaan Rakyat
130. Konvensyen
131. merintis
132. Sir Donald MacGillivray
133. Pesuruhjaya Tinggi British
134. Menentukan
135. 21 tahun ke atas
136. Warganegara
137. Menyelia
138. Sambutan
139. Parti Perikatan
140. Tunku Abdul Rahman
141. Pilihan Raya Umum 1955
142. Pertahanan
143. Padang Banda Hilir
144. Kesungguhan
145. Suruhanjaya Reid
146. Membincangkan
147. Lord Reid
148. Yang Dipertuan Agong
149. mengetatkan
150. istimewa
151. Dewan Negara
152. Agama rasmi
153. Bahasa Melayu
154. Lima tahun
155. Asas
156. 31 Ogos 1957
157. Terang Bulan
158. En . Mohamed Hamzah
159. Bunga raya
160. MERDEKA
161. Negaraku
162. Berperlembagaan
163. Yang Di Pertuan Agong
164. Memilih
165. Perdana Menteri

166. Pegawai Eropah
167. Komanwel
168. FELDA
169. Rancangan Buku Merah
170. Jabatan Penerangan
171. Kekuasaan
172. Sovereignty
173. Bahasa Arab
174. Kedaulatan Tradisional
175. Terikat
176. Kedaulatan Antarabangsa
177. Sempadan
178. Pilihan raya
179. Beraja
180. Undang-undang
181. Jemaah Menteri
182. Pengagihan kuasa
183. Pentadbiran
184. Rukun Negara
185. Peka
186. Perlembagaan
187. Hukum Kanun Melaka
188. Negeri-negeri Selat
189. The Common Law of England
190. Parlimen
191. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
192. Model Westminster
193. Asas
194. Beraja
195. Agama islam
196. Lingua Franca
197. Yang Dipertuan Agong
198. Pilihanraya
199. Kebebasan
200. Menyesuaikan
201. Mutlak
202. Islam
203. Agama Islam
204. Gabenor Jepun
205. Malayan Union
206. Ketua Utama Negara
207. Memilih

208. Durbar
209. Kemerdekaan
210. Majlis Raja-Raja
211. Jemaah Menteri
212. Luar negara
213. Darurat
214. Lima
215. Dewan Negara
216. Meluluskan
217. Perundangan
218. Badan Eksekutif
219. Menggubal
220. Bebas
221. Gabungan
222. NNMB
223. Melicinkan
224. Parlimen
225. Senarai Persekutuan
226. Dewan Undangan Negeri  
(DUN)
227. Senarai Bersama
228. Kerajaan Tempatan
229. Perkhidmatan
230. In-Situ
231. FELDA
232. Wilayah
233. Taman laut
234. Perumahan
235. ESSCOM
236. Menggabungkan
237. Pentadbiran
238. Keselamatan
239. Dekolonisasi
240. Menyertai
241. Komunis
242. Kemerdekaan
243. Menyokong
244. Menentang
245. Meninjau
246. Dua per tiga
247. Pungutan
248. Kedaulatan

249. Konfrontasi
250. Kepimpinan
251. Sara diri
252. Peluang
253. Pemisahan
254. Cukai
255. Persamaan
256. Ancaman
257. Operasi Hammer
258. PKM
259. Tugu Negara
260. Sempadan
261. Perjanjian Hat Yai
262. Pilihan raya
263. Ketegangan
264. MAGERAN
265. Hasutan
266. Aman
267. Integrasi
268. Berbeza
269. Berinteraksi
270. Vernacular
271. Polarisasi
272. Perpaduan
273. Rukun Negara
274. Kemiskinan
275. Perindustrian
276. Bahasa Melayu
277. Perpaduan
278. Sejarah
279. Jurusan
280. Alat
281. Dasar Ekonomi Baru @ DEB
282. Identiti
283. menyusun
284. Agihan
285. Taraf
286. Pendapatan
287. Perkebunan
288. FELDA
289. Pembangunan
290. Saham

291. Pembuatan
292. Kursus
293. Kekayaan
294. Subsidi
295. Nasional
296. Utusan
297. Perdagangan
298. Wisma Putra
299. Keagamaan
300. Keamanan
301. Pelarian
302. British
303. Rancangan Colombo
304. Komanwel
305. Dasar berkecuali
306. Dominasi
307. MAPHILINDO
308. Apartied
309. Perjanjian Lusaka
310. Zionis
311. Biasiswa
312. Perantara
313. Dadah
314. Anti minyak
315. Pemerdagangan
316. AIDS
317. Keluaran
318. Menambat
319. Dana
320. Demonstrasi
321. Pendidikan
322. Alam sekitar
323. Teknologi
324. Agenda 21
325. Antartika
326. Penyelidik
327. Rizab
328. Jerebu
329. Strategik
330. pengukuhan

Cikgu Zana